

Semangat juang tinggi dorong Fatin cemerlang



FATIN HAZIRAH SURIZAN (kiri) bersama pasangan kembar, Anis Ielyfa Azman (tengah) dan Anis Ielyka Azman menunjukkan trofi yang diterima dalam Majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM dan IPTS Ke-18 di Serdang, Selangor, semalam.

Oleh MUHAMMAD AZIM ZAID

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 OKT.

“**K**EMAHUAN dan semangat juang tinggi mendorong kita mencapai kejayaan dalam bidang diceburi,” kata penerima Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan, Fatin Hazirah Surizan, 21, dalam Majlis Konvokesyen Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ke-18 dekat sini hari ini.

Graduan Diploma Pembangunan Manusia dari Kolej Teknologi Timur (KTT) itu menerima anugerah berkenaan selepas memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.90 selain aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dan kemasyarakatan.

Anak kedua daripada empat

beradik itu berkata, sebagai pelajar dia perlu bijak membahagikan masa antara pelajaran dan aktiviti di luar kelas untuk memastikan keduanya cemerlang seimbang.

“Sepanjang tiga tahun pembelajaran, setiap minit yang berlalu pada saya cukup berharga untuk tidak disia-siakan.

“Di dalam kelas saya fokus 100 peratus dan kebiasaannya pada waktu petang saya terlibat dengan aktiviti kokurikulum sebelum menyiapkan tugas dan mengulang kaji pada waktu malam.

“Alhamdulillah, biarpun agak sibuk, saya rasa puas dan berbaloi dengan anugerah yang diperoleh hari ini,” katanya yang turut menyambung pengajian dalam bidang sama di UPM.

Bapa dan ibunya yang berkhidmat sebagai eksekutif di sebuah syarikat swasta banyak memberi dorongan kepadanya agar terus

berjaya.

Terdahulu, Fatin Hazirah menerima anugerah itu daripada Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin dan Ketua Pegawai Eksekutif UPM Education dan Training Sdn. Bhd., Dr. Mohd. Kamil Yusoff.

Seramai 400 graduan terdiri daripada 15 program melibatkan tujuh buah kolej melibatkan seorang graduan Ijazah Kedoktoran, 227 Ijazah Sarjana dan 212 graduan Diploma.

Sementara itu, Aini berkata, pihaknya masih lagi meneliti kolej swasta yang bersesuaian bagi menjalankan kerjasama dengan pihaknya bagaimanapun bukan dalam masa waktu terdekat.

“Kita banyak menerima permohonan daripada kolej di luar sana namun kita perlu menelitinya secara menyeluruh agar pihak berkenaan benar-benar mencapai standard yang diletakkan oleh pihak UPM,” katanya.



UTUSAN MALAYSIA

MINGGUAN MALAYSIA